

26 FEB 1999

Mahathir-Asing

ORANG ASING BUAT TUDUHAN EKORAN KEGAGALAN MEREKA

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata orang asing menuduh Malaysia mengamalkan kronisme dan nepotisme kerana mereka kecewa setelah tidak dapat menguasai projek penswastan kerajaan.

Beliau berkata ini kerana dasar penswastan yang diamalkan oleh Malaysia tidak bermakna segala yang dimiliki kerajaan dijual kepada mereka sepenuhnya.

Di kebanyakan negara membangun, penswastan bermakna menjual kepada orang asing untuk mendapatkan dolar Amerika bagi membayar hutang kerana rakyat sendiri tidak mempunyai modal dan kepakaran, katanya ketika merasmikan bangunan Suruhanjaya Sekuriti (SC) di Bukit Kiara di sini.

"Di Malaysia penswastan bermakna menjual kepada rakyat Malaysia yang mampu dan layak untuk mengambil alih. Orang asing boleh membeli peratusan yang kecil sahaja dan tidak semuanya.

"Ini mengecewakan orang asing yang melihat keuntungan yang besar yang boleh didapati mereka jika mereka dapat memiliki semua yang diswastakan," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana rakyat tempatan yang mendapat peluang daripada penswastan maka tuduhan dibuat bahawa mereka adalah kroni dan keluarga kepada pemimpin kerajaan.

Walaupun pihak yang memperolehi projek itu dipilih melalui tender dan tidak ada apa-apa hubungan dengan kerajaan, mereka masih dituduh sebagai kroni dan keluarga mereka, katanya.

"Hanya jika semua yang diswastakan diambil alih oleh orang asing barulah tuduhan kronisme dan nepotisme akan digugurkan," katanya.

Dr Mahathir berkata tuduhan orang asing yang mengatakan kegawatan ekonomi disebabkan oleh amalan kronisme dan nepotisme di Malaysia sebenarnya dibuat untuka melindungi kesalahan peniaga matawang yang telah menyalahgunakan kemudahan pasaran terbuka untuk meraih keuntungan besar bagi diri mereka.

"Amat malang sekali ada rakyat Malaysia, yang semuanya mendapat nikmat daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat, turut menyahut tuduhan penyangak asing ini.

"Setiap perkataan yang dilafazkan orang asing ini akan diulangi tanpa difikir oleh orang tertentu di Malaysia, dan lebih daripada itu mereka ini mendesak kerajaan supaya mengikut sahaja apa yang disuruh oleh orang asing ini."

Dr Mahathir berkata lagi: "Mereka ini tidak dapat memikirkan bahawa orang asing itu mungkin salah dan kita mungkin betul. Walaupun kita sudah merdeka nampak jelas pemikiran mereka ini belum dibebaskan.

"Rakyat Malaysia tidak perlu memohon maaf kepada orang asing kerana dasar yang dijalankan, sebaliknya kita harus berbangga dengan pencapaian kita dan sikap suka dipuji oleh Barat harus dikikis jika kita bermaruah."

Oleh kerana mereka gagal memiliki bank dan perniagaan melalui penswastan mereka menyerang matawang dan pasaran saham Malaysia supaya syarikat dan bank negara ini menjadi lemah dan bankrap, katanya.

"Pada masa itu mereka berharap kita akan terpaksa menjual segala-galanya kepada mereka dengan harga yang murah dan dengan itu mereka akan mendapat keuntungan yang besar dan ekonomi kita akan dikuasai oleh mereka," katanya.

Itulah tujuan mereka yang sebenar, dan dakwaan mereka kononnya mereka

ingin mendisiplinkan kerajaan, menghapuskan kronisme, nepotisme dan sebagainya adalah cerita dongeng sahaja, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AKT GM NMO